



PERATURAN PERTANDINGAN

1. NAMA PERTANDINGAN :

KEJOHANAN **"DART BEREGU"** TERTUTUP PANTAI TIMUR SEMPENA KARNIVAL USAHAWAN DESA DAERAH LIPIS 2022

2. PENGANJUR :

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)

3. PENGELOLA :

MAJLIS DAERAH LIPIS

4. TARIKH PERTANDINGAN :

02 JULAI 2022 (SABTU)

5. TEMPAT :

DEWAN RESIDEN, MAJLIS DAERAH LIPIS, KUALA LIPIS.

6. PERATURAN UMUM :

Pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh **Persatuan Dart Malaysia.**

7. PERATURAN TAMBAHAN :

Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran aktiviti sukan Dart di Malaysia.

8. KELAYAKAN PESERTA :

Terbuka kepada Pasukan dari Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang yang telah lengkap 2 dos vaksin **DAN KAD PENGENALAN YANG BERALAMAT DI PANTAI TIMUR SAHAJA LAYAK MENYERTAI PERTANDINGAN INI.**

9. PENDAFTARAN PEMAIN :

9.1. Setiap pasukan boleh menghantar lebih daripada 1 pasukan dan setiap pasukan hendaklah mengandungi:

9.1.1.1. 2 orang pemain

9.2. Pemain dart yang pernah **mewakili Malaysia pada tahun 2009 dan ke bawah DIBENARKAN** untuk menyertai manakala pemain yang pernah mewakili Malaysia pada tahun 2010 dan ke atas adalah **TIDAK DIBENARKAN** menyertai kejohanan ini.

9.3. Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur, hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

9.4. Seorang pemain hanya boleh didaftarkan dalam (1) satu pasukan sahaja. Jika terdapat seorang pemain yang pasukannya telah kalah/menang dan kemudiannya bermain untuk pasukan lain maka penyertaan yang kedua-dua pasukan yang berkenaan akan dibatalkan.

9.5. Pertukaran nama-nama pemain boleh dilakukan semasa mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan.

9.6. Pengurus dibenarkan bermain. Nama mereka hendaklah didaftar juga dalam senarai pemain sebagai pemain.

10. YURAN PENYERTAAN/TARIKH TUTUP PENYERTAAN

10.1. Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM50.00** setiap pasukan dan terhad **"100 PENYERTAAN TERAWAL SAHAJA"**.

10.2. Setiap bayaran bolehlah dibuat melalui:-

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN KESUKMA

AKAUN BANK : PUBLIC BANK

NO. AKAUN : 3981367310

BUTIRAN PEMBAYARAN MESTILAH DINYATAKAN "DART KPLB" DAN "NO. TELEFON"

(BAYARAN YURAN HANYA SECARA "ONLINE" & SERTAKAN BUKTI PEMBAYARAN KEPADA PENGANJUR)

Tarikh tutup penyertaan/pembayaran adalah sebelum atau pada **30 JUN 2022**.

Urusetia Kejohanan:-

APOL – 019-563 2130

MIEGO – 016-931 4151

WAN – 011-3135 9840

" SALINAN KAD PENGENALAN DAN RESIT BAYARAN ADALAH WAJIB BAGI PENGESAHAN TEMPAT MENYERTAI KEJOHANAN INI"

11. MENSYUARAT PENGURUS-PENGURUS PASUKAN

Mesyuarat Pengurus Pasukan dan Pengundian akan diadakan pada :-

TARIKH : 01 JULAI 2022 (JUMAAT)

MASA : 08.00 Malam

TEMPAT : Dewan Residen, Majlis Daerah Lipis, Kuala Lipis.

12. CARA PERTANDINGAN :

12.1. Kejohanan ini adalah di antara pasukan.

12.2. Pihak Penganjur akan menetapkan format pertandingan bergantung kepada jumlah pasukan yang bertanding.

12.3. Semua perlawanan diperingkat awal akan dijalankan secara liga.

12.4. Johan, Naib Johan dan No. 3 setiap kumpulan diperingkat liga akan layak ke pusingan seterusnya/suku akhir.

13. SUSUNAN DAN FORMAT PERTANDINGAN :

13.1. **Format perlawanan diperingkat liga adalah seperti berikut:-**

13.1.1. Beregu – (501 x 3)

13.2. **Format perlawanan diperingkat kalah mati adalah seperti berikut:-**

13.2.1. Beregu – (501 x 3)

13.3. **Format perlawanan separuh akhir dan akhir adalah seperti berikut:-**

13.3.1. Beregu – (501 x 5)

14. PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN :

Setiap pasukan yang bertanding akan diberi **mata kemenangan** berdasarkan kepada **set menang bagi setiap perlawanan**. Format adalah seperti berikut:-

- a) Menang – 1 mata
- b) Kalah – 0 mata

Sekiranya terdapat lebih daripada satu pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama diperingkat LIGA, maka kaedah berikut akan digunakan:-

- Jumlah leg menang bagi semua pertandingan; atau
- Jumlah leg kalah bagi semua pertandingan; atau
- Nisbah set

Sekiranya selepas kiraan tersebut di atas masih berlaku seri untuk (2) pasukan maka pasukan yang menang dalam perlawanan di antara mereka dikira menang, **Sekiranya (3@lebih)** pasukan yang **berkedudukan seri** maka **perlawanan beregu dengan format 701 x 1** akan dijalankan untuk menentukan pemenang,

15. MASA PERTANDINGAN :

15.1. Kejohanan ini akan dijalankan dalam tempoh 1 hari.

15.2. Setiap pasukan adalah diwajibkan bermain lebih daripada satu perlawanan di dalam satu hari.

15.3. Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

15.4. Pasukan yang gagal hadir di gelanggang pada masa yang dijadualkan akan diberi masa tangguhan 15 minit. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka kemengangan percuma akan diberi kepada pasukan lawan yang hadir kecuali dengan budi bicara penganjur.

15.5. Pegawai dan pemain yang didapati berada di bawah pengaruh alkohol dan dadah semasa pertandingan sedang berjalan, akan di 'disqualified' dan seluruh pasukan akan dibatalkan penyertannya dari pertandingan.

16. PENANGGUHAN PERLAWANAN :

Jawatankuasa Pertandingan akan memutuskan kedudukan perlawanan yang ditangguh oleh pengadil kerana tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

17. PERALATAN PERTANDINGAN :

Pihak Jawatan Pengelola akan menyediakan Papan Dart jenis Winmau Blade 4' atau yang setaraf dengannya.

18. PENGADILAN :

Pihak Jawatan Pengelola akan menyediakan pengadil untuk peringkat separuh akhir sehingga akhir sahaja. Keputusan pengadil adalah muktamad.

19. BANTAHAN :

Sebarang bantahan mengenai kelayakan peserta hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan atau sebelum berakhir pusingan awal. Bantahan yang dibuat selepas itu (semasa pusingan kedua atau suku akhir hingga akhir) tidak akan dilayan.

Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh **Pengurus** atau **Ketua Pasukan** sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada pengadil yang bertugas ketika itu, kemudian bantahan itu hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola tidak lewat daripada 30 minit selepas tamat pertandingan tersebut. Surat dan disertakan wang cagaran sebanyak RM 300.00 (tunai). Wang cagaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

Sebarang keputusan yang dibuat dari keputusan Jawatankuasa Bantahan dan tatatertib adalah **MUKTAMAD**.

20. JAWATANKUASA BANTAHAN & TARTATERTIB :

Pengerusi : **ENCIK WAN ROHAMIDUN**
Ahli-ahli : **ENCIK MUHAMMAD FAZNI BIN ISHAK**
ENCIK HAJI KHAIRUDDIN BIN MOHAMAD
ENCIK AHMAD SHAH RIZAL BIN MOHAMED

21. HADIAH :

- JOHAN– RM 2,000.00 + Medal
- NAIB JOHAN – RM 1,000.00 + Medal
- TEMPAT KE 3 - RM 600.00 + Medal
- TEMPAT KE 4 – RM 400.00 + Medal
- TEMPAT KE 5 – 8 – RM 200.00 + Medal
- TEMPAT KE 9 – 16 – RM50.00 + Medal
- * SECOND CHANCE* (Hadiah Menarik disediakan)